

**TEKS UCAPAN PERASMIAN KEJOHANAN KARNIVAL
SUKAN JKR SEMALAYSIA 2015**

**OLEH YANG BERTHORMAT DATO' SRI HAJI FADILLAH
HAJI YUSOF**

MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

PADA 31 JULAI 2015

TERIMA KASIH SAUDARA Pengerusi Majlis,

Y.BHG. DATO SRI ZOHARI BIN AKOB,
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA

Y.BHG. DATUK IR. ADANAN MOHAMED HUSSAIN
KETUA PENGARAH KERJA RAYA

YANG BERBAHAGIA DATO' IR. HAMIZAN BIN MOHD INZAN
PENGARAH JKR SELANGOR

DATO' – DATO', DATIN – DATIN, PENGARAH PENGARAH JKR
NEGERI DAN WILAYAH

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN , PARA ATLIT YANG SAYA
HORMATI SEKALIAN, ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI
WABARAKATUH DAN SALAM 1 MALAYSIA,

Y.BHG. DATO' SRI,DATO',TUAN-PUAN,

SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA SEKALI LAGI KITA DAPAT MENGANJURKAN KEJOHANAN KARNIVAL SUKAN JKR SE-MALAYSIA INI. TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA JAWATANKUASA PENGANJUR KERANA TELAH SUDI MENJEMPUT SAYA UNTUK MERASMIKAN KEJOHANAN KARNIVAL SUKAN JKR MALAYSIA PADA TAHUN 2015. TAHNIAH KEPADA SEMUA WARGA JKR NEGERI SELANGOR ATAS USAHA YANG GIGIH SERTA KOMITMEN YANG JITU DAN PADU DALAM MENJAYAKAN PENGANJURAN TEMASYA SUKAN INI. TIDAK DILUPA JUGA, UCAPAN SETINGGI-TINGGI TERIMA KASIH SAYA UCAPKAN KEPADA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) YANG TELAH MEMBERI KERJASAMA SEPENUHNYA DALAM MENJAYAKAN KEJOHANAN PADA TAHUN INI .

SEPERTI MANA SEMUA SEDIA MAKLUM, KITA AKAN BERSAMA-SAMA BERKAMPUNG BAGI MENJAYAKAN KEJOHANAN INI SELAMA 3 HARI BERMULA 31 JULAI HINGGA 2 OGOS 2015. MELIHAT AKAN OBJEKTIF UTAMA KEJOHANAN INI, IANYA BUKANLAH SEMATA-MATA UNTUK Mencari KEMENANGAN DAN KEJUARAAN, NAMUN KEJOHANAN INI DILIHAT SEBAGAI PLATFORM UNTUK MEMUPUK SEMANGAT KERJA BERPASUKAN SELAIN Mengeratkan lagi HUBUNGAN SILATURRAHIM ANTARA SEMUA WARGA KKR SELURUH MALAYSIA. DUA ELEMEN PENTING INI IAITU KERJASAMA BERPASUKAN DAN *ENGAGEMENT* (HUBUNGAN BAIK) MERUPAKAN STRATEGI TERBAIK YANG BOLEH DITERJEMAHKAN

DALAM MELAKSANAKAN TUGAS SEHARIAN YANG DIAMANAHKAN KEPADA KITA SEBAGAI PENJAWAT AWAM. BEKERJA SECARA SILO MUNGKIN TIDAK LAGI RELEVAN DI ZAMAN INI DAN KITA SELAKU AGENSI TEKNIKAL TERBESAR NEGARA PERLU LEBIH MENUMPUKAN KEPADA KERJA SECARA BERPASUKAN AGAR SEGALA MISI DAN VISI YANG DIRANCANG DAPAT DICAPAI, SEPERTIMANA PEPATAH MELAYU LAMA “SEPAKAT MEMBAWA BERKAT”.

Y.BHG. DATO' SRI,DATO',TUAN-PUAN,

ALHAMDULLILLAH, PADA TAHUN INI SAYA DIFAHAMKAN SEBANYAK 8 ACARA SUKAN AKAN DIPERTANDINGKAN. ANTARANYA ADALAH ACARA PING PONG, GOLF, FUTSAL, BADMINTON, SEPAK TAKRAW, BOLA JARING, BOLA TAMPAR DAN BOWLING MELIBATKAN 6 GELANGGANG PERTANDINGAN. PADA KEJOHANAN TAHUN INI, SERAMAI 1170 ATLIT DAN PEGAWAI SUKAN TERLIBAT DALAM 8 ACARA YANG DIPERTANDINGKAN. JKR NEGERI SELANGOR SELAKU TUAN RUMAH MENYAKSIKAN KONTINJEN YANG PALING RAMAI MENGHANTAR PESERTA IAITU SERAMAI 113 ATLIT DAN PEGAWAI SUKAN, DIKUTI KONTINJEN JKR NEGERI PAHANG DAN JKR NEGERI JOHOR MASING-MASING 109 ATLIT DAN PEGAWAI SUKAN. SAYA JUGA TURUT DIMAKLUMKAN, PENGLIBATAN ATLIT PADA KEJOHANAN KALI INI ADALAH AMAT MEMBERANSANGKAN DAN JUMLAH PENYERTAAN PADA TAHUN INI ADALAH BILANGAN YANG PALING BESAR DALAM SEJARAH PENGANJURAN SUKAN INI. SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA PENGANJUR KEJOHANAN TAHUN INI. SAYA BERHARAP,

KEJOHANAN YANG KITA ANJURKAN INI AKAN DAPAT MEMUPUK DAN MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN ANTARA 'WARGA KERJA RAYA' DI ANTARA NEGERI DAN WILAYAH SERTA JABATAN YANG ADA DI BAWAH KEMENTERIAN KERJA RAYA.

Y.BHG. DATO' SRI,DATO',TUAN-PUAN,

SAYA YAKIN DAN PERCAYA, SETIAP PASUKAN YANG BERTANDING DALAM KEJOHANAN PADA KALI INI TELAH PUN MEMBUAT PERSIAPAN AWAL DENGAN TAHAP DISIPLIN YANG TINGGI, BERMULA DARIPADA PROSES PEMILIHAN PEMAIN, SESI LATIHAN SEHINGGALAH KE SAAT MERANCANG STRATEGI YANG AKAN DIGUNA PAKAI OLEH PASUKAN MASING-MASING. SEHUBUNGAN ITU, SAYA MENGGESA SUPAYA SEMANGAT BERPASUKAN YANG KENTAL DAN DISIPLIN YANG TINGGI INI DAPAT DIKEKALKAN DAN DIAPLIKASIKAN DALAM PERKHIDMATAN SEHARIAN KITA DI WAKTU PEJABAT KELAK. KEJOHANAN SEPERTI INI AKAN TURUT MEMBENTUK WARGA KERJA MENJADI LEBIH CEMERLANG, BERDISIPLIN TINGGI, MENDIDIK SEMANGAT KERJASAMA YANG UTUH, MEMUPUK DAYA JUANG TINGGI SERTA BERSEDIA MENGHADAPI SEGALA CABARAN DAN RINTANGAN.

SEPERTI KITA SEDIA MAKLUM, BUDAYA BERSUKAN DAN GAYA HIDUP SIHAT MERUPAKAN CARA TERBAIK UNTUK MENINGKATKAN KUALITI KESIHATAN KITA. PRODUKTIVITI SESEBUAH MASYARAKAT ATAU NEGARA, AKAN DAPAT DIUKUR MELALUI TAHAP KESIHATAN DALAM SESEBUAH MASYARAKAT. ASPEK KESIHATAN INI MERUPAKAN KUALITI FIZIKAL, PSIKOLOGIKAL DAN SOSIAL YANG MEMBOLEHKAN MANUSIA

MENGURUSKAN DIRI SENDIRI DAN JUGA ORANG LAIN DENGAN SEWAJARNYA DALAM PELBAGAI SITUASI. KESIHATAN BOLEH DILIHAT DARIPADA BEBERAPA DIMENSI IAITU FIZIKAL, PSIKOLOGIKAL, MENTAL DAN SOSIAL. KEJOHANAN SEPERTI INI DAPAT MEMBANTU WARGA KKR UNTUK TERUS KONSISTEN MENGAMALKAN GAYA HIDUP SIHAT DAN AKTIF SETERUSNYA DAPAT MENYUMBANG KEPADA PRODUKTIVITI NEGARA. ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA SUPAYA PENGANJURAN KEJOHANAN SUKAN PADA KALI INI DAPAT BERJALAN LANCAR DENGAN PENUH SEMANGAT KESUKANAN YANG TINGGI DI KALANGAN PESERTA-PESERTA YANG MENGAMBIL BAHAGIAN.

Y.BHG. DATO' SRI,DATO',TUAN-PUAN,

SAYA RASA BELUM LAGI TERLAMBAT UNTUK SAYA MENGUCAPKAN SEKALUNG TAHNIAH KEPADA Y.BHG. DATO' IR. ADANAN MOHAMED HUSSAIN YANG DILANTIK SEBAGAI KETUA PENGARAH KERJA RAYA YANG BAHARU. SAYA BEGITU YAKIN, DENGAN ADANYA PENGALAMAN DAN KEPAKARAN BELIAU, JKR AKAN TERUS RELEVAN MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK KEPADA RAKYAT. TAGLINE **“JASA KEPADA RAKYAT”** MERUPAKAN KATA-KATA KERAMAT YANG BESAR MAKNANYA DAN HARAPAN BESAR RAKYAT TERHADAP JKR YANG PERLU DIGALAS. LAKSANAKAN KERJA KITA DENGAN PENUH BERINTEGRITI, AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB. SAYA PERCAYA RAKYAT AKAN DAPAT MENILAI DAN SUMBER REZEKI YANG KITA TERIMA MENDAPAT BARAKAH OLEH-NYA. BAIK KEPADA AGENSI-AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN KERJA RAYA MAHUPUN

KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI YANG TELAH DIAMANAHKAN UNTUK MENJAGA LEBUHRAYA BERTOL, TERMASUK JUGA SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI YANG TELAH DIAMANAHKAN UNTUK MENYELENGGARA ASET-ASET KERAJAAN SAMA ADA JALAN PERSEKUTUAN DAN BANGUNAN GUNASAMA, LAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN UNTUK MENJAGA ASET-ASET KERAJAAN INI DENGAN AMANAH DAN BIJAKSANA. ASET-ASET INI PERLU DIJAGA DAN DISELENGGARA DENGAN SEMPURNA SUPAYA IANYA SENTIASA BERADA DALAM KEADAAN BAIK, SELESA DAN SELAMAT UNTUK DIGUNAKAN OLEH RAKYAT.

Y.BHG. DATO' SRI,DATO',TUAN-PUAN,

SEBELUM SAYA MENGAKHIRI UCAPAN SAYA, INGIN SAYA MENGUCAPAN SALAM AIDILFITRI KEPADA SEMUA YANG MERAIKANNYA DALAM KEJOHANAN KARNIVAL SUKAN JKR SEMALAYSIA 2015 INI.

KEPADA SEMUA AHLI JAWATANKUASA PENGANJUR, SELAMAT BERTUGAS SAYA UCAPKAN. BUAT PESERTA-PESERTA YANG MENGAMBIL BAHAGIAN PULA, SAYA UCAPKAN SELAMAT MAJU JAYA DAN BERTANDINGLAH DENGAN SEMANGAT KESUKANAN YANG TINGGI.

DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRAHMANNIRRAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN KEJOHANAN KARNIVAL SUKAN JKR SEMALAYSIA EDISI 2015.

SEKIAN, TERIMA KASIH.